

Tabung Kewangan Asia Timur perlu sokongan

BH 12 APR 2000

KUALA LUMPUR, Selasa – Tabung Kewangan Asia Timur, seperti yang disarankan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini, boleh menjadi kenyataan jika semua negara serantau memberi sokongan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata penubuhan tabung seumpama itu bergantung kepada komitmen negara rantau inisendiri, terutamanya Asean.

“Jika kita benar-benar mahu mewujudkan tabung ini, kita harus bekerjasama dengan bekerja kuat ke arah itu,” katanya pada majlis dialog dengan peserta Sidang Kemuncak Perniagaan Asean 2000 di sini, malam ini.

Seorang peserta dari Filipina bertanya sama ada Asean boleh menggerakkan penubuhan tabung itu kerana ia pernah disuarakan oleh

Dr Mahathir sebelum ini.

Dr Mahathir ketika berucap pada majlis jamuan meraikan Perdana Menteri China, Zhu Rongji di kediaman rasminya, Sri Perdana, di Putrajaya akhir tahun lalu berkata China, Malaysia dan negara Asia Timur yang lain harus memberi pertimbangan mendalam mengenai penubuhan Tabung Kewangan Asia Timur.

Perdana Menteri berkata penubuhan tabung itu bertepatan dengan usaha mempertingkatkan kerjasama serantau dan ekonomi serta beliau percaya negara Asia Timur akan menghargai faedah yang diperolehi melalui tabung itu kerana krisis ekonomi yang melanda rantau ini baru-baru ini memperlihatkan betapa lemahnya kerangka sistem kewangan dunia yang wujud sekarang.

Pada mesyuarat tahunan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dan Bank Du-

nia pada 1997, Jepun pernah mencadangkan penubuhan Tabung Kewangan Asia (AMF) bagi membantu negara serantau yang menghadapi masalah kewangan.

Abdullah bagaimanapun berkata, tidak ada perkara yang tidak boleh dicapai termasuk bagi penubuhan tabung seumpama itu jika semua pihak bekerjasama termasuk di kalangan sektor swasta.

Beliau berkata, sektor swasta di negara Asean juga perlu memainkan fungsi mereka dengan lebih berkesan, terutamanya mewujudkan perkongsian pintar bagi memantapkan lagi sumber ekonomi serantau.

Katanya, syarikat di Asean boleh mewujudkan kerjasama di kalangan mereka bagi menerokai kekayaan sumber walaupun kuasa membeli di rantau ini masih rendah.

“Bagi kerajaan, ia boleh

memainkan fungsi sebagai penggerak termasuk memperkenalkan dasar seperti konsep persyarikatan. Namun, swasta harus memainkan fungsi sebagai penggerak pertumbuhan serantau,” katanya.

Beliau berkata, apa yang penting juga adalah bagi memastikan rantau ini terus stabil, aman dan makmur kerana keadaan itu akan membolehkan pertumbuhan ekonomi.

Dalam konteks itu, katanya, negara anggota Asean perlu membina keupayaan masing-masing termasuk memajukan sektor pembangunan dan penyelidikan (R&D) serta pertumbuhan sumber manusia.

Abdullah turut menceritakan mengenai pengalaman Malaysia menghadapi kegawatan ekonomi ban-barn ini dan bagaimana ia berjaya membebaskan diri daripada belenggu itu.